

16/01/2000

MT terima banyak `post-mortem`

BESUT: Majlis Tertinggi (MT) Umno, menerima banyak laporan `post mortem` daripada orang perseorangan, badan bukan kerajaan (NGO) serta golongan profesional mengenai pilihan raya umum lalu di seluruh negara.

Walaupun ada negeri yang belum menghantar laporan post mortem, tidak bererti presiden parti tidak mengetahui perkembangan yang berlaku di kawasan terbabit.

Ketua Penerangan Umno Malaysia, Datuk Dr Yusof Nor, berkata laporan daripada golongan di luar Umno itu juga termasuk dari negeri yang kalah seperti Kelantan dan Terengganu.

Laporan itu katanya, menunjukkan pihak tertentu di negara ini prihatin dan rasa bertanggungjawab terhadap perkembangan yang ada terutama untuk kepentingan bangsa dan negara.

Dr Yusuf berkata, berasaskan laporan berkenaan termasuk laporan yang diterima dari Umno negeri, MT membuat perbincangan serius dalam usaha mengekalkan pengaruh Umno terus berkembang terhadap umat Islam di negara ini.

Bercakap kepada pemberita di majlis rumah terbuka di kediamannya di Pantai Air Tawar dekat sini, beliau berkata sehingga ini Umno masih menjadi faktor penting agenda perjuangan bangsa Melayu dan agama Islam di negara ini.

Beliau berkata, tidak ada kumpulan selain Umno sehingga ini yang mempunyai keupayaan untuk memperjuangkan bangsa Melayu dan umat beragama Islam di negara ini.

Katanya, kekalahan Umno di beberapa tempat di negara ini bukan atas kekuatan pembangkang itu sendiri termasuk Pas, tetapi hasil tindakan kumpulan tertentu yang mahu menjatuhkan Umno dengan menjadikan presiden parti, Datuk Dr Mahathir Mohamad sebagai sasaran.

"Tidak perlu dinafikan sama ada Pas tahu atau tidak, mereka (Pas) digunakan oleh pihak asing yang ingin menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional untuk kepentingan mereka (pihak asing)," katanya.

Dr Yusof yang kalah dalam pilihan raya lalu tetap mendapat sokongan rakyat di negeri ini berasaskan sokongan yang masih kuat daripada ahli Umno seluruh negeri.

Hadir sama di majlis itu ialah bekas ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Besut, Datuk Wan Zakaria Abdul Rahman.

(END)